



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam**

**PEGAWAI PENJAGA ZAT MAKANAN (M.13-14 EB.15)
KEMENTERIAN KESIHATAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PEGAWAI PENJAGA ZAT MAKANAN
KEMENTERIAN KESIHATAN
M.13-14 EB.15 (\$2,300 - \$4,220 SEBULAN)
KEKOSONGAN = EMPAT (04)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang *Dietetics / Nutrition Science* atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Bertanggungjawab kepada Ketua Perkhidmatan Pemakanan dan Dietetik atau Pegawai Penjaga Zat Makanan Kanan;
2. Memberi kaunseling pemakanan untuk pesakit-pesakit dan keluarga mereka yang dirujuk oleh Pegawai Perubatan atau Pakar Perubatan bagi pesakit luar atau yang dirawat dalam hospital;
3. Bertukar-tukar maklumat mengenai hal pesakit-pesakit dengan pegawai, pakar perubatan dan jururawat-jururawat;
4. Menghadiri perjumpaan klinikal;
5. Memberi ceramah kepada kumpulan pesakit-pesakit;
6. Penglibatan dalam rancangan promosi dan projek-projek pemakanan;
7. Membantu dalam menyediakan dan mengemaskinikan buku-buku panduan pemakanan;
8. Mengawasi penyediaan dan penghidangan makanan terapeutik (*Therapeutic Diets*) di hospital-hospital;
9. Mengemaskinikan pengetahuan dalam bidang pemakanan dengan menghadiri ceramah dan mengikuti kursus-kursus, seminar dan bengkel yang berhubung kait dengan pemakanan dan dietetik antarabangsa atau tempatan;
10. Memberi ceramah kepada pegawai dan kakitangan kesihatan, pesakit-pesakit dan orang ramai bila diperlukan; dan
11. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.